

# MCA nafi dakwaan Dr. Mahathir

UM- 27/10/2006

MUAR 26 Okt. - MCA hari ini menafikan dakwaan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyatakan peniaga kaum Cina di negara ini tidak menyokong kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Naib Presidennya, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek berkata, sebaliknya di kalangan ahli perniagaan Cina menyifatkan Abdullah sebagai seorang pemimpin yang demokratik dan telus dalam mentadbir negara.

"Mereka menyatakan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah) adalah seorang pemimpin yang bersedia mendengar segala rintihan dan rayuan rakyat," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman sempena Aidilfitri di Sungai Mati di sini.

"Saya yakin kepimpinan Perdana Menteri dapat meyakinkan peniaga-peniaga Cina untuk terus menyokong kerajaan Barisan Nasional (BN)," tegas beliau.

Dr. Chua, yang juga Menteri Kesihatan berkata demikian sebagai mengulas dakwaan bekas perdana menteri itu yang mendakwa peniaga Cina di negara ini tidak lagi menyokong kerajaan di bawah pimpinan Abdullah.

Katanya, hasil maklum balas selepas MCA menubuhkan Majlis Korporat Malaysia baru-baru ini, peniaga Cina menyokong kerajaan yang mereka anggap lebih demokratik dan telus.

"Hasil perjumpaan antara peniaga dengan Perdana Menteri yang kami aturkan baru-baru ini, Abdullah sendiri berjanji akan menyelesaikan masalah yang dibangkitkan secara berperingkat-peringkat," ujarinya.

Menurut Dr. Chua semua peniaga, bukan sahaja dari Malaysia tetapi di semua negara kini menghadapi tekanan persaingan amat sengit akibat kesan globalisasi.

Di Malaysia, katanya pengusaha menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang menyebabkan kos pengeluaran meningkat hingga mereka rasa tertekan.

"Tetapi untuk menyatakan mereka tidak menyokong kerajaan sebagaimana dakwaan Tun Dr. Mahathir adalah tidak benar," katanya.

- Bernama